




CIAST

PROSIDUR KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

KONTRAKTOR, PEMBEKAL, PELAWAT DAN PELATIH

DISEDIAKAN OLEH :	DILULUSKAN OLEH :		
AMIR BIN MOHAMED	DR. MOHAMAD BIN SULAIMAN K.M.N		
TANDATANGAN :	TANDATANGAN :		
			
TARIKH :	TARIKH :		
1 .02.2018	1 .02.2018		
NO. DOKUMEN :			
CIAST-PKKP-04			
NO. SEMAKAN : 1	NO. RPD : 1	TKH. KUATKUASA : : 01.02.2018	MUKA SURAT : 1 DRP 7

 CIAST	PROSIDUR KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN	NO. SEMAKAN : 1
		NO. RPD : 0
	KONTRAKTOR, PEMBEKAL, PELAWAT DAN PELATIH	TKH. KUATKUASA : 01.10.09
		MUKA SURAT : 2 DRPD 7

1.0 OBJEKTIF

Objektif prosidur ini adalah untuk;

- 1.1 Menjelaskan langkah-langkah keselamatan yang perlu dipatuhi oleh kontraktor/pembekal/pelawat/pelatih semasa berada di Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST).
- 1.2 Memenuhi kehendak undang-undang yang disyaratkan dalam Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (AKTA 514) dan Peraturan yang berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

2.0 SKOP

- 2.1 Prosidur ini hendaklah digunakan semasa berurusan dengan kontraktor, pembekal, pelawat dan pelatih di Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST).

3.0 TANGGUNGJAWAB

- 3.1 Semua kontraktor, pembekal, pelawat dan pelatih hendaklah bertanggungjawab melaksanakan prosedur ini.

4.0 DEFINASI DAN TERMINOLOGI

- | | | | |
|-----|-----|---|---|
| 4.1 | PKK | - | Pegawai Keselamatan dan Kesihatan |
| 4.2 | JKK | - | Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan |
| 4.3 | PPK | - | Pembangunan Pengajar Kemahiran |
| 4.4 | PPL | - | Perancangan dan Perancangan Latihan |
| 4.5 | SPD | - | <i>Skill Profesional Development Program</i>
(Pembangunan Profesional Kemahiran) |
| 4.6 | BKP | - | Bahagian Khidmat Pengurusan |
| 4.7 | K.K | - | Kelayakan Kekompetenan |
| 4.8 | PEM | - | Pembelajaran Elektronik dan Multimedia |
| 4.9 | KP | - | Ketua Program |
| 5.0 | KJ | - | Ketua Jabatan |
| 5.1 | KB | - | Ketua Bahagian |
| 5.2 | KU | - | Ketua Unit |

 CIAST	PROSIDUR KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN	NO. SEMAKAN : 1
		NO. RPD : 0
	KONTRAKTOR, PEMBEKAL, PELAWAT DAN PELATIH	TKH. KUATKUASA : 01.10.09
CIAST-PKKP-04		MUKA SURAT : 3 DRPD 7

5.0 PROSIDUR

AM

- 5.1 Adalah menjadi tanggungjawab kepada pegawai/kakitangan yang mengawasi kontraktor / pembekal / pelawat / pelatih menerangkan dengan terperinci keperluan-keperluan yang dikehendaki di dalam prosidur.
- 5.2 Pegawai/kakitangan yang mengawasi kontraktor / pembekal / pelawat / pelatih hendaklah memastikan setiap kontraktor/pembekal/pelawat/pelatih mematuhi prosidur ini pada setiap masa.

KONTRAKTOR

- 5.3 Pegawai/kakitangan yang mengawasi kontraktor hendaklah menyerahkan kepada kontraktor prosidur dan arahan-arahan berikut;
 - ✓ 5.3.1 **PERMIT KERJA** (No. Dokumen : BKKP-04-01).
 - ✓ 5.3.2 Salinan **PROSIDUR KECEMASAN KEBAKARAN DAN PENGOSONGAN BANGUNAN** (No. Dokumen : CIAST-PKKP-03).
 - ✓ 5.3.3 Salinan **PROSIDUR KEBERSIHAN TEMPAT KERJA** (No. Dokumen : CIAST-PKKP-07).
 - ✓ 5.3.4 Salinan **PERATURAN KEBERSIHAN TEMPAT KERJA** (No. Dokumen : CIAST-AKKP-03)
 - ✓ 5.3.5 **BORANG LAPORAN IDENTIFIKASI HAZARD** (No. Dokumen : BKKP-01-03).
 - ✓ 5.3.6 **BORANG LAPORAN KEMALANGAN** (No. Dokumen : BKKP-02-01).
- 5.4 Kontraktor yang menerima kontrak/perjanjian untuk bekerja di dalam kawasan CIAST hendaklah mematuhi segala arahan yang terdapat di dalam prosidur ini. Berikut adalah arahan-arahan yang perlu dipatuhi;
 - 5.4.1 Menyerahkan salinan **DASAR KESELAMATAN DAN KESIHATAN** syarikat kepada pegawai/kakitangan yang mengawasi kontraktor.

 CIAST	PROSIDUR KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN	NO. SEMAKAN : 1
		NO. RPD : 0
	KONTRAKTOR, PEMBEKAL, PELAWAT DAN PELATIH	TKH. KUATKUASA : 01.10.09
CIAST-PKKP-04		MUKA SURAT : 4 DRPD 7

- 5.4.2 Menyerahkan mana-mana borang/dokumen yang diperlukan kepada pegawai/kakitangan yang mengawasi kontraktor.
- 5.4.3 Melantik seorang pegawai yang bertanggungjawab dalam hal-hal keselamatan dan kesihatan pekerjaan.
- 5.4.4 Membuktikan semua pekerjanya;
 - 5.4.4.1 Boleh melaksanakan apa-apa kerja yang disebut di dalam kontrak/perjanjian.
 - 5.4.4.2 Mempunyai cukup latihan, pengetahuan dan pengalaman dalam bidang kerja yang dilakukan.
- 5.4.5 Mematuhi segala peraturan yang berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST).
- 5.4.6 Menyediakan kemudahan "first-aid" untuk pekerja.
- 5.4.7 Melaporkan semua kemalangan, kejadian berbahaya dan keracunan/penyakit pekerjaan kepada pegawai/kakitangan yang mengawasi kontraktor.
- 5.4.8 Menyediakan peralatan perlindungan peribadi/peralatan keselamatan yang telah mendapat kelulusan SIRIM atau mana-mana organisasi piaui yang telah diluluskan oleh kerajaan Malaysia.
- 5.4.9 Memastikan pekerja menggunakan peralatan perlindungan peribadi/peralatan keselamatan dengan betul pada setiap waktu bekerja.
- 5.5 Pegawai/kakitangan yang mengawasi kontraktor hendaklah menyerahkan dokumen-dokumen berikut kepada PKK/JKK;
 - 5.5.1 Permit Kerja (*No. Dokumen : BKKP-04-01*)
 - 5.5.2 Dasar Keselamatan dan Kesihatan.
 - 5.5.3 Lain-lain borang/dokumen yang diperlukan (jika ada).

 CIAST	PROSIDUR KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN	NO. SEMAKAN : 1
		NO. RPD : 0
	KONTRAKTOR, PEMBEKAL, PELAWAT DAN PELATIH	TKH. KUATKUASA : 01.10.09
CIAST-PKKP-04		MUKA SURAT : 5 DRPD 7

- 5.6 Pegawai/kakitangan yang mengawasi kontraktor hendaklah menyerahkan salinan Borang Permit Kerja (*No. Dokumen : BKKP-04-01*) kepada Ketua Jabatan/Ketua Bahagian/Ketua Unit masing-masing.

PEMBEKAL/PELAWAT

- 5.7 Pembekal/pelawat yang berada di dalam kawasan CIAST hendaklah mematuhi segala arahan yang terdapat di dalam prosidur ini. Berikut adalah arahan-arahan yang perlu dipatuhi;
- 5.7.1 Melapor diri bagi mendapatkan kebenaran dan pas masuk di pondok pengawal keselamatan.
 - 5.7.2 Memakai atau menggunakan apa-apa kelengkapan atau pakaian perlindungan yang disediakan.
 - 5.7.3 Melaporkan semua kemalangan, kejadian berbahaya dan keracunan pekerjaan/penyakit pekerjaan kepada pegawai/kakitangan yang mengawasi/dihubungi.
 - 5.7.4 Mematuhi segala peraturan yang berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST).

PELAJAR DAN PESERTA KURSUS

- 5.9 Pelatih yang berada di dalam kawasan CIAST hendaklah mematuhi segala arahan yang terdapat di dalam prosidur ini. Berikut adalah arahan-arahan yang perlu dipatuhi;
- 5.9.1 Menepati jadual latihan/kelas yang telah ditetapkan.
 - 5.9.2 Meminta kebenaran sebelum melakukan tugas yang berkaitan dengan penggunaan mesin.
 - 5.9.3 Menggunakan peralatan yang betul melalui khidmat pengajar ketika kerja-kerja yang hendak atau sedang dijalankan.

 CIAST	PROSIDUR KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN	NO. SEMAKAN : 1
	KONTRAKTOR, PEMBEKAL, PELAWAT DAN PELATIH	NO. RPD : 0
CIAST-PKKP-04		TKH. KUATKUASA : 01.10.09
		MUKA SURAT : 6 DRPD 7

- 5.9.4 Memakai atau menggunakan apa-apa kelengkapan atau pakaian perlindungan yang disediakan.
- 5.9.5 Melaporkan semua kemalangan, kejadian berbahaya dan keracunan pekerjaan/penyakit pekerjaan kepada pengajar yang bertugas.
- 5.9.6 Dilarang merokok dan melakukan pembakaran terbuka di dalam kawasan Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST).
- 5.9.7 Mematuhi segala peraturan yang berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST).

6.0 LAMPIRAN

Tidak berkenaan.



CIAST

CIAST-PKKP-04

PROSIDUR KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

NO. SEMAKAN : 1

NO. RPD : 0

TKH. KUATKUASA : 01.10.09

MUKA SURAT : 7 DRPD 7

7. REKOD KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN